AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 5 PRINTED SIZE: 378.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,044.00 ITEM ID: MY0071084212



12 SEP, 2026

UMS kaji 1,000 pokok Bulatok, teroka potensi ekonomi Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMS kaji 1,000 pokok Bulatok, teroka potensi ekonomi Sabah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal melaksanakan kajian terhadap 1,000 pokok Bulatok (Paullinia cupana) dari pelbagai kawasan penanaman di seluruh Sabah bagi mengenal pasti kepelbagaian genetik, status kesihatan tanaman serta faktor persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan produktivitinya.

Penyelidikan yang diterajui Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) UMS itu dilaksana dengan kerjasama Persatuan Pengusaha Bulatok Sabah (PPBS), khususnya dalam mengenal pasti lokasi dan komuniti penanam serta menyokong pengumpulan data dan pemindahan ilmu.

Kerjasama tersebut susulan pemeteraian dokumen perjanjian penyelidikan antara UMS dan PPBS sempena Majlis Perasmian Simposium Bioteknologi Antarabangsa Ke-9 (SB9) baru-baru ini.

Pengarah IPB UMS, Profesor Dr. Jualang @ Azlan Gansau berkata, kerjasama penyelidikan antara universiti, komuniti, industri serta agensi berkaitan penting bagi memastikan hasil penyelidikan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

"Penyelidikan ini penting bagi memastikan ilmu dan kepakaran saintifik dapat diterjemahkan kepada penyelesaian yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

"Pembangunan bidang agro-bioteknologi di Sabah memerlukan lebih banyak kerjasama seperti ini.

"Sabah mempunyai kekayaan biodiversiti dan sumber biologi yang besar, tetapi potensi tersebut perlu disokong oleh penyelidikan saintifik, inovasi dan jaringan kerjasama yang kukuh," katanya.

Sementara itu, Presiden PPBS, Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing berkata, Bulatok mempunyai potensi ekonomi yang besar kepada komuniti penanam.

"Pembangunan tanaman ini memerlukan data dan bukti saintifik yang kukuh, khususnya berkaitan kepelbagaian tanaman, kesihatan pokok, kesesuaian persekitaran dan amalan penanaman.


"Kerjasama ini penting dalam menghubungkan kepakaran universiti dengan pengalaman serta pengetahuan komuniti penanam di lapangan.

"Kami yakin kepakaran penyelidik IPB UMS mampu membantu persatuan dan komuniti pengusaha mendapatkan data saintifik yang komprehensif," jelasnya.

Tambah Wilfred, kajian tersebut melibatkan penilaian terhadap 1,000 sampel pokok Bulatok dari pelbagai kawasan penanaman di seluruh Sabah.

"Penyelidik akan mendokumentasikan lokasi penanaman menggunakan sistem GPS, menilai ciri morfologi dan variasi genetik tanaman, selain menjalankan pengesanan patogen menggunakan pendekatan molekul moden."

Penyelidikan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) IPB, Profesor Madya Ts. Dr. Wilson Yong Thau Lym itu dijangka menghasilkan dokumentasi saintifik pertama yang lebih menyeluruh mengenai taburan dan status penanaman Bulatok di Sabah.



KAJIAN: Dr. Rosalam (kiri) dan Wilfred (dua kanan) bersama dokumen perjanjian penyelidikan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 5 PRINTED SIZE: 378.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,044.00 ITEM ID: MY0071084212



12 SEP, 2026

UMS kaji 1,000 pokok Bulatok, teroka potensi ekonomi Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal melaksanakan kajian terhadap 1,000 pokok Bulatok (Paullinia cupana) dari pelbagai kawasan penanaman di seluruh Sabah bagi mengenal pasti kepelbagaian genetik, status kesihatan tanaman serta faktor persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan produktivitinya Penyelidikan yang ditera jui Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) UMS itu dilaksana dengan kerjasama Persatuan Pengusaha Bulatok Sabah (PPBS), khususnya dalam mengenal pasti lokasi dan komuniti penanam serta menyokong pengumpulandata dan pemindahan ilmu.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.